

25/12/2001

Sekolah satu aliran boleh tamatkan pertikaian

KESATUAN Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) sewajarnya menerima hakikat bahawa isu pengasingan pelajar berdasarkan kaum yang digembar-gemburkan adalah masalah pentadbiran semata-mata. Disebabkan ia bukan perancangan atau dasar kerajaan, sewajarnya isu ini tidak terus dibangkitkan. Sekiranya tidak puas hati juga, setiap pihak perlu menerima cadangan sistem persekolahan satu aliran, tanpa perlu timbul lagi dakwaan kononnya kerajaan cuba menghapuskan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Senarai 200 sekolah lagi yang didakwa mengamalkan pengasingan pelajar mengikut kaum tidak boleh diterima bulat-bulat tanpa siasatan Kementerian Pendidikan. Tidak mustahil juga, sekolah yang disenaraikan itu juga menghadapi masalah pentadbiran yang sama. Guru besar dan guru terpaksa menggunakan budi bicara masing-masing bagi menentukan kedudukan kelas pelajar bagi memudahkan proses pembelajaran. Pengasingan ini berlaku secara kebetulan, bukan satu perancangan.

Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apa saja yang dilakukan kerajaan sering tidak mendapat persetujuan. Sebaik mana rancangan kerajaan sekali pun, termasuk mewujudkan sekolah wawasan, juga mendapat tentangan. Setiap pihak perlu membuat keputusan yang jelas sama ada mahu sistem sedia ada dikekalkan atau membenarkan satu sistem baru yang meletakkan semua pelajar di sekolah yang berasaskan kepada satu aliran persekolahan dilaksanakan. Tidak perlulah pihak tertentu membangkitkan lagi soal perpaduan kaum sekiranya mereka sendiri menolak rancangan kerajaan yang mahu mewujudkan satu sistem persekolahan yang boleh melenyapkan isu perkauman di negara ini.

(END)